



# MANUSKRIP ULAMA NUSANTARA MELESTARIKAN KEFAHAMAN ASWJ DI ALAM MELAYU

*KAJIAN MANUSKRIP  
AL-NAFHAH AL-SAYLANIYYAH\_SYEKH YUSUF AL-TAJ*

شمس البحر بن اندى غاليغو

PUSAT PENKAJIAN KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

KUPU SB

2019

# MANUSKRIP ULAMA NUSANTARA

## Pertama

Manuskrip/Turas berbahasa Arab dan menggunakan tulisan Arab.

## Kedua

Manuskrip Jawi yakni, naskah yang ditulis dengan huruf Arab tapi berbahasa Melayu. Setengah tempat dipanggil ARAB MELAYU

## Ketiga

Manuskrip Pegon/Serang yakni, naskah yang ditulis dengan huruf Arab tapi menggunakan bahasa lokal seperti, bahasa Jawa, Sunda, Bugis, Buton, Banjar, Aceh dan lainnya.

**Manuskrip:** Tulisan tangan asli yang berumur minimal 50 tahun ke atas dan punya erti penting bagi peradaban, sejarah, kebudayaan dan ilmu pengetahuan.

# MANUSKRIP TERTUA



**Batu Bersurat yang dibuat tahun 1303M (awal kurun 14 Masihi). Manuskrip ini menyatakan tentang penyebaran dakwah dan para pemeluk Islam pada masa itu.**

**Manuskrip ini sudahpun diteliti oleh ahli-ahli Sejarah dan Ahli Arkeolog Islam di Malaysia seperti Prof Naquib Alatas dan lainnya, semua menyimpulkan manuskrip ini sebagai yang tertua di alam Melayu.**



**Syair tentang ugama Islam yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan huruf Jawi di Minya' Tujoh, Aceh, di awal kurun 14, pada tahun 1310M.**

**Oleh itu, para pakar sepakat bahawa perkembangan manuskrip yang ditulis dengan huruf Jawi sudah berkembang pada awal kurun 14 Masihi, pada masa Kesultanan Samudra Pasai (Aceh) dan Kesultanan MELAKA di Semenanjung Malaya.**



# GUNA HURUF PEGON



*Karya tertua berhuruf Pegon pula, karya Sunan Bonang atau Syekh al Barri yang bertajuk Wukuf Sunan Bonang. Karya yang ditulis pada kurun 16 M ini menggunakan bahasa Jawa pertengahan bercampur dengan bahasa Arab.*

*Manuskrip ini merupakan terjemahan sekaligus interpretasi dari Kitab Ihya Ulumuddin karya Imam al-Ghazali.*

**KANDUNGAN  
DAN PERANAN  
MANUSKRIP  
ULAMA SECARA  
AMNYA**

I, Mengandung informasi yang lengkap tentang tamadun Islam dalam makna yang luas, sehingga bermanfaat untuk menjaga kesinambungan peradaban Islam.

II, Berisi kajian keagamaan yang bersumber dari karya para ulama salaf bermula di zaman Rasulullah, sehingga berguna untuk menjaga dan mengembangkan keaslian ajaran Islam sepanjang zaman.

III, Berisi tentang selok belok pemerintahan pada masa lalu, sehingga bermanfaat untuk mengkaji model pemerintahan yang tepat menurut pemikiran Islam.

IV, Berisi struktur sosial masyarakat dan model perekonomian yang berlaku masa itu, sehingga bermanfaat untuk mengkaji model pembangunan ekonomi yang tepat pada masa ini.

V, Berisi adat kebiasaan, hukum dan teknologi yang berkembang pada masa itu.

VI, Bersisi tentang ubat-ubatan yang digunakan pada masa itu dan lain lagi.

# AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

## Pendekatan aqidah

- Pendekatan Aqidah Islam mengikut ulama Ahli Sunnah Waljama'ah telah lama bertapak di kawasan ini, dan telah memberikan sumbangan yang membina kepada kemantapan aqidah dan rohani masyarakat Islam.

## Rujukan terawal

- Antara kitab tauhid yang dikenal pasti telah menjadi rujukan terawal dalam pengajian aqidah Islam di Nusantara ini ialah
- kitab *Umm al-Barāhīn* tulisan Imam Al-Sanusiy (daripada ulama Ash'ariyyah) dan
- kitab *al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* tulisan Imam Najmuddin al-Nasafiy (daripada ulama Māturidiyyah).

# ULAMA NUSANTARA

Shaikh Muhammad Nawawi  
Banten,

*"Fath al-Majīd Sharḥ al- Durr al-Farīd  
fi 'Aqa'id Ahl al-Tawḥīd".*

Shaikh Aḥmad bin  
Muhammad Zain,

*"Farīdah al-Fara'id fi 'Ilmi al-  
'Aqa'id". Dan ramai lagi*

Shaikh Muhammad  
Tayyib bin Mas'ud  
Banjar,

*"Miftaḥ al-Jannah".*

Shaikh Muhammad  
Arsyad Banjar,

*"Tuḥfat al-Rāghibīn fī Bayān  
Haqīqat Imān al-Mu'minīn".*

Shaikh 'Abdul Samad  
Palembang,

*"Zād al-Muttaqīn fi Tawḥīd  
Rabb al-'Ālamīn".*

# KELESTARIAN ASWJ DI NUSANTARA

Masyarakat Melayu **Nusantara mula menerima cahaya agama Islam** pada kurun ke 13 masihi (ke 8 Hijrah) lagi. Ia bermula tersebar di bumi Nangru Aceh, Sumatera bahagian utara dan bumi Langkasuka, Pathani dan tersebar di semenanjung Malaya, kepulauan Jawa dan Borneo. Kepulauan Halmahera, Maluku dan Sulawesi menyusul kemudian.

Sejarah mencatatkan bahawa **kerajaan Islam terawal** di bumi Nusantara ialah Perlak di Nangro Aceh, Pathani di Semenanjung Malaya, Cempa di Burma, Brunei di Borneo, Suluh di Mindanao dan Buton di Sulawesi. Menyusul kemudian Melaka di Semenanjung, Demak di Jawa, Gowa di Sulawesi, Sambas, Banjar di Kalimantan, dan Banten di Jawa bahagian barat.



# KELESTARIAN ASWJ DI NUSANTARA

## Mula Menerima Islam

- Kurun ke 13 masihi (ke 8 Hijrah)
- Tersebar di bumi Nangru Aceh, Sumatera bahagian utara dan bumi Langkasuka, Pathani dan tersebar di semenanjung Malaya, kepulauan Jawa dan Borneo. Kepulauan Halmahera, Maluku dan Sulawesi menyusul kemudian.

## Kerajaan Islam Terawal

- Perlak di Nangro Aceh, Pathani di Semenanjung Malaya, Cempa di Burma, Brunei di Borneo, Suluh di Mindanao dan Buton di Sulawesi. Menyusul kemudian Melaka di Semenanjung, Demak di Jawa, Gowa di Sulawesi, Sambas, Banjar di Kalimantan, dan Banten di Jawa bahagian barat.

## SAMBUNGAN...

Perkembangan masyarakat Melayu Islam sangat pesat, sehingga perhubungan perdagangan yang menjadi keunggulan umat Islam ketika itu telah bergerak dengan lajunya.

Bangsa Arab, India dan China yang lebih dahulu memeluk agama Islam telah merencanakan lagi hubungan dengan bangsa Melayu Islam, bukan hanya dari segi perniagaan, tetapi juga dakwah Islam melalui pengajaran dan pendidikan Islam.

Wujudnya pelbagai institusi perguruan seperti pesantren di Jawa, dayah di Sumatera, balai ibadah/surau di Borneo dan pondok di Semenanjung Malaya merupakan bukti nyata rancaknya pengembangan dakwah dan kemajuan agama di rantau ini.

## SAMBUNGAN...

Kedatangan ulama dari negeri Arab terutama daripada tanah Yaman sama ada yang bergelar "Sayyid" atau "Sharif" menyebabkan pembelajaran fiqih mazhab Imam Shāfi'e tersebar luas di bumi Nusantara ini.

Ulama bangsa India yang datang kemudian juga bermazhab Imam Shāfi'e, bahkan sebahagian mereka adalah ulama yang berasal dari negeri Arab juga.

Di samping itu, pengajian aqidah Islam yang diajarkan sama ada dari negeri Arab ataupun Malebari, India termasuk pendakwah China semuanya adalah berpandukan aqidah Ahli Sunnah Waljamā'ah mengikut manhaj Imam Abu Ḥassan Ash'ari (324H) dan Imam Abu Manṣūr Maturudi (333H).

## SAMBUNGAN...

*"Umm al-Barāhīn"* adalah sebuah kitab tauhid yang ditulis oleh Imam al-Sanusi. Ia juga dikenali dengan *"al-'Aqidah al-Sughra"* (ringkasan ilmu aqidah) dinamakan juga *"Zat al-Barāhīn"*. Ia merupakan intipati dari kitab beliau yang bernama kitab *"Aqidah ahl al-Tawhīd"* atau *"al-'Aqidah al-Kubra"*. *"Umm al-Barāhīn"* terdiri dari dua perkataan bahasa Arab; *"umm"* diertikan sebagai ibu, induk atau asal muassal bagi sesuatu, perkataan *"Barāhīn"* kata jamak dari perkataan *"burhan"* yang membawa maksud dalil atau hujah yang kuat yang berasaskan dengan *"qiyas mantiqi"* yang terbentuk dari mukadimah yang diyakini kesahihannya



SYEKH YUSUF TAJUL KHALWATI

1626 - 1699

# KAJIAN MANUSKRIP AL-NAFHAH

**SYEKH YUSUF AL-TAJ** ADALAH SEORANG ULAMA NUSANTARA YANG LAHIR DI MAKASSAR, SULAWESI SELATAN INDONESIA PADA TARIKH 03 JULAI 1626 M ATAU 08 SYAWAL 1036 H. DAN BELIAU MENINGGAL DUNIA DI ZANDVLIET, AFRIKA SELATAN PADA 23 MEI 1699M ATAU 22 ZULQAIDAH 1109H DALAM USIA SEKITAR 73 TAHUN.

**PENDIDIKAN:** Dari sudut pendidikannya, bermula belajar dikampungnya, kemudian merantau ke Aceh terus ke Negeri Yaman, Mekah dan Madinah (Jazirah Arabia) kemudian ke negeri Syam dan terus di Istambul pusat pemerintahan khilafah uthmaniyyah. Hampir dua puluh tahun mengembara, merantau menuntut ilmu pengetahuan agama kemudian kembali berjuang dan berdakwah di negerinya Makassar, Banten, Srilangka dan Afrika Selatan.

**MANUSKRIP:** Kebanyakan manuskrip Syekh Yusuf ditulis dalam bahasa Arab, kecuali ada beberapa risalahnya yang ditulis dalam bahasa Melayu dan Bugis. Di samping itu ada juga yang ditulis oleh pengikut tarekat beliau kemudian disandarkan kepadanya, seperti risalah *al-Nur al-Hadi ila Tariq al-Rashadi*. Risalah ini jelas ditulis oleh Raja Bone, Ahmad al-Salih, Shams al-Millah wa al-Din, salah seorang tokoh *Khalwatiyyah Syaikh Yusuf* dan pengagung Syaikh Yusuf dan pemikirannya. Juga telah ditemukan terjemahan sebahagian risalah beliau dalam bahasa Jawa dan Sunda.

# MANUSKRIP SYEKH YUSUF AL-TAJ

Profesor Tujimah (1978), Profesor Abu Hamid (1994) dan Profesor Nabilah Lubis (1996) telah berusaha menetapkan (*identification*) tajuk-tajuk manuskrip yang hampir dipastikan sebagai hasil karya Syaikh Yusuf al-Taj sendiri, dan setelah diteliti kembali maka didapati ada 30 tajuk yang sudah dipastikan

Manuskrip risalah *al-Nafhah al-Saylaniyyah* adalah karya tulis Syekh Yusuf yang paling akhir diselesaikan. Tidak ada satupun penyelidik mengenainya yang meragukan kesahihan nisbah risalah ini kepada beliau.

Prof. Tujimah (1987) dan Hamka (1981) sebagai pengkaji awal tentang nisbah risalah-risalah Syekh Yusuf tidak menimbulkan apa-apa isu tentang nisbah risalah *al-Nafhah* ini. Tujimah menjadikannya sebagai *khulasah* kepada risalah-risalah beliau yang lain. Hamka menjadikannya sebagai risalah yang merangkumi segala kandungan ajaran agama yang dikembangkan oleh Syekh Yusuf

# SAMBUNGAN...

Manuskrip risalah *al-Nafhah al-Saylaniyyah* yang digunakan dalam kajian ini adalah bersumber daripada kedua-dua naskah di perolehi. Dan sebagai naskah bandingan adalah sebuah teks risalah *al-Nafhah* yang telah ditaip semula oleh pemimpin tariqah *Khalwatiyyah Syekh Yusuf* di Makassar iaitu Puang Ramma' (Kiyai Haji Syed Jamaluddin al-Saqqaf).

Kedua-dua teks manuskrip tersebut adalah sama, hanya ada salah satunya yang memakai harakat (baris) dan yang lainnya tidak berbaris



# SAMBUNGAN...

Teks dalam kajian sengaja diberi nombor oleh pengkaji sendiri bagi memudahkan kajian kandungan dan terjemahan. Dalam kajian teks akan diguna kod sebagai berikut :

(A), sebagai naskah Perpustakaan Nasional,

(B), sebagai naskah Warisan DaEnta Kaliri Gowa, dan

(C), sebagai naskah bandingan (Puang Ramma).

Sementara teks yang ditetapkan adalah teks yang telah digunapakai oleh Tujimah dan Abu Hamid dalam kajiannya.



## SAMBUNGAN...

- Risalah *al-Nafhah* ini mula ditulis oleh Syekh Yusuf semasa masih di Ceylon lagi, dan baru dapat selesai ditulis setelah berhijrah (diasingkan) ke Cape Town, iaitu tahun 1106 tahun Hijrah, bertepatan dengan tahun masehi 1696, iaitu tiga tahun sebelum beliau meninggal dunia. Akan tetapi tercatat pada akhir risalah tersebut bahawa ia diakhiri penulisannya pada tarikh 01 Rabi' Awal, 1116 tahun Hijrah
- Risalah *al-Nafhah* adalah merupakan karya tulis beliau yang paling akhir. Oleh itu, ulama Bugis, Sulawesi Selatan yang mengkaguminya menganggap bahawa kedudukan risalah *al-Nafhah al-Saylaniyyah* bagi Syekh Yusuf sama dengan kedudukan kitab *al-Munqidh Min al-Dalal* bagi Imam al-Ghazali

## SAMBUNGAN...

Dalam mukadimah risalah *al-Nafhah*, Syekh Yusuf menjelaskan bahawa beliau menulis risalah tersebut sebagai panduan dan pegangan bagi mereka yang ingin menjalani suluk; mendekatkan diri kepada Allah terutama kepada mereka yang aktif mengikuti majlis pengkajian dan dhikir beliau di Ceylon.

Dinyatakan juga bahawa risalah tersebut sengaja ditulis bagi menyahut permintaan (*iltimas*) masyarakat Islam di Ceylon melalui seorang sahabat karibnya yang digelarnya sebagai Abu al-Sidq Muhammad Sadiq


## SAMBUNGAN...

@ Syekh Yusuf menjelaskan bahawa risalahnya itu adalah sebuah buku ringkas yang merangkumi isi kandungan daripada pelbagai risalah dan kitab tasawuf serta buku-buku lain yang berhubung kait dengan masalah kehidupan di dunia dan di akhirat.

Dengan penuh keyakinan, beliau memulainya itu dengan memohon restu Ilahi melalui *istikharah* kepada Allah.

# ULASAN DAN RUMUSAN KANDUNGAN MANUSKRIP

---



# SAMBUNGAN...

- Dalam bab **pendahuluan**, Syaikh Yusuf memulai dengan kata-kata *Istihlal* (pujian kepada Allah dan salawat ke atas Nabi) yang diawali dengan *Basmalah*. Selepas itu, beliau menetapkan tajuk (*maudu'*) tulisannya secara lengkap, iaitu: *al-Nafhah al-Saylaniyyah fi al-Minhah al-Rahmaniyyah*. Sebab dan matlamat penulisan risalahnya juga disentuh dalam bab ini
- @ Syaikh Yusuf al-Taj menghurai dan membincang perkara-perkara aqidah dan tasawuf dengan menggunakan metodologi penulisan yang biasa diguna ulama Ahli Sunnah Waljama'ah di zaman itu.
- Beliau membincangkan satu-satu perkara dengan mengemukakan hujah-hujah yang munasabah daripada ayat-ayat al-Qur'an al-Karim dan hadith-hadith Rasulullah atau athar al-sahabah serta pandangan (*aqwal*) para ulama yang muktabar terutama ulama ASWJ



## SAMBUNGAN...

Dalam perkara pengesahan aqidah (keyakinan), Syaikh Yusuf berpegang kepada aqidah Ahlisunnah menerusi fahaman *al-Salaf al-salih*, iaitu dengan mengasaskan keyakinan dan keimanan kepada Allah melalui ayat muhkamat, seperti ayat al-Qur'an dalam Surah *al-Shura'*, ayat 11:

ليس كمثلہ شیء وهو السميع البصير



## SAMBUNGAN...

@ Beliau menegaskan bahawa semua ayat-ayat aqidah dalam al-Qur'an mestilah diasaskan maknanya kepada ayat-ayat *muhkamat* di atas, sebab itulah pokok pangkal aqidah Islam yang sebenar.

Adapun ayat-ayat *mutashabihat* yang berkaitan dengan aqidah (sifat Allah), maka ia wajib diterima hakikat makna (*mantuq*) lafaznya dan diserahkan (*tafwid*) kepada Allah hakikat maksudnya (*murad*) atau di takwilkan sesuai dengan makna bahasa yang munasabah dan tetap mengandungi makna *tanzih*, sepertimana *manhaj* yang digunapakai oleh ulama *Ahli Sunnah Waljama'ah*.



# SAMBUNGAN...

@ Syaikh Yusuf menjelaskan peri pentingnya *mu'asharah* dan *mu'amalah* yang baik terhadap sesama makhluk. Dalam hal ini seorang hamba dalam pergaulannya perlulah memelihara percakapan, perbuatan dan hati. Di samping adab yang mulia terhadap sesama insan bagi mewujudkan persaudaraan yang kukuh dan persahabatan yang penuh kasih sayang.

Adab yang mulia terhadap Allah sebagai Pencipta, sebagai Tuhan yang disembah (*ma'bud*) seyogianya menjadi prinsip hidup setiap hamba Allah dalam melakukan aktiviti kehidupannya di atas dunia yang *fana'* ini



# SAMBUNGAN...

@ Syaikh Yusuf memberi ingatan pula bahawa sifat rida menerima *qada'* dan *qadar* adalah dituntut bagi setiap hamba Allah. Walau bagaimanapun ia tidak dibenarkan menjadikan hujah ke atas perkara yang ditakdirkan itu. Oleh itu biasa dikatakan, rela (rida) menerima *qada'* adalah wajib, sedang rida melakukan maksiat adalah kekufuran.



# SAMBUNGAN...

@ Syaikh Yusuf memberi panduan bagi mengelakkan sangka buruk kepada seseorang, iaitu dengan melihat seseorang itu sebagai makhluk ciptaan Allah. Selama kita mencintai Allah selama itu kita mencintai makhluk-Nya. Oleh itu perkara-perkara yang dibuat oleh seseorang (makhluk) adalah tanggungjawabnya sendiri di hadapan Tuhannya, dan tiada kena mengena dengan orang lain.

Ini tidak bermakna bahawa hukum perundangan Islam tidak perlu dilaksanakan. Akan tetapi ia hanya merupakan sikap mental seseorang dalam melihat orang lain sebagai hamba Allah dalam usaha memaksikan sifat *husn al-zan* pada dirinya. Sehingga ia dalam pergaulannya tidak mudah berburuksangka pada orang lain.



# SAMBUNGAN...

@ Mengikuti Syaikh Yusuf, cinta pada Allah tidak dapat wujud melainkan sabitnya ikutan seseorang pada Rasulullah baik dari sudut syari'ah mahupun haqiqah dan secara zahir dan batin. Dengan demikian, seseorang yang iltizam mengikuti sunnah Rasulullah dengan penuh iman tanpa *riya'* dan *sum'ah* secara pasti ia akan mendapat titisan cinta Tuhan (Allah Ta'ala) kepada hamba-Nya itu. Dan hal ini, boleh menghasilkan rasa cinta seorang hamba terhadap Tuhannya



## SAMBUNGAN...

Dan akhirnya, yang perlu mendapat perhatian seorang hamba Allah yang taat patuh kepada Tuhannya ialah membanyakkan berzikir kepada Allah. Mengikut Syaikh Yusuf, zikir yang paling utama adalah menyebut dengan penuh keyakinan, kalimah: *La Ilaha Illa Allah* (tiada tuhan selain Allah).

Dengan menekuni lafaz zikir ini, seseorang dapat merasakan satu nikmat kebahagiaan dalaman tersendiri. Walau bagaimanapun, Syaikh Yusuf tetap memperakui adanya lafaz-lafaz zikir lain seperti *Subhanah Allah, Alhamdu Lillah, Allahu Akbar* dan lain-lain.



سبحانك اللهم وبحمدك  
اشهد ان لا اله الا انت استغفرك  
واتوب اليك

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه وبارك وسلم  
والحمد لله رب العالمين